

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK  
MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mempromosikan kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia

**Tuan Yang Di Pertua,**

Bagi mempromosikan kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan langkah-langkah berikut :

- (a) KKM telah menubuhkan satu Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental semenjak tahun 2011 yang dianggotai oleh pakar-pakar kesihatan mental dan pertubuhan NGO bagi merancang dan

menentukan halatuju Program Promosi Kesihatan Mental selari dengan polisi atau dasar yang telah ditetapkan;

- (b) Aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan mental. Melalui Kempen Cara Hidup Sihat yang memfokuskan kepada Menangani Stres kerana stres berterusan dan tidak dapat ditangani akan menyebabkan kemurungan. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan melalui Sambutan Hari Kesihatan Mental meliputi kem-kem kesihatan; pameran; ceramah, dialog dan forum. Risalah dan poster berkaitan kesihatan mental dan penyakit mental juga diedarkan melalui klinik-klinik kesihatan. Kementerian juga mewujudkan laman web Portal MyHealth [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my) yang memuatkan maklumat tepat tentang topik-topik kesihatan mental;
- (c) Melalui Program Kesihatan Mental Komuniti, perkhidmatan kesihatan mental di klinik-klinik kesihatan dilaksanakan secara integrasi. Perkhidmatan ini meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap stres, keresahan dan kemurungan serta individu yang berisiko mengalami masalah kesihatan mental di kalangan masyarakat serta intervensi; dan
- (d) Bagi mempertingkatkan kemahiran menangani stres di kalangan komuniti, usaha-usaha mempromosikan kesihatan mental dan mencegah penyakit mental dilaksanakan melalui latihan kemahiran daya tindak dan aktiviti pemerksaan komuniti di mana elemen menangani stres dimasukkan sebagai salah satu komponen dalam

KOSPEN di Tempat Kerja. Selain itu, KKM juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Program Menangani Stres di Tempat Kerja bagi membantu warga kerja untuk menangani stres. KKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan juga sedang melaksanakan Program Minda Sihat dalam kalangan murid sekolah di 2,343 buah sekolah menengah seluruh negara.